



ABDUL Shukor Idrus menyerahkan sumbangan wang tunai kepada mangsa banjir pada majlis di pejabatnya di Kuang baru-baru ini.



PENDUDUK Kuang mengalami banjir terburuk dalam tempoh 10 tahun pada minggu lalu, yang dikatakan akibat sungai di kawasan itu tidak disenggara dengan baik.

Abdul Shukor gesa agensi berkaitan ambil tindakan segera bersih sungai, longkang RM132,900 untuk mangsa banjir

Oleh A. JAILANI ABDULLAH
kota@utusan.com.my

KUANG 26 Sept. - Penduduk di sini yang dilanda musibah banjir baru-baru ini telah diberi bantuan segera berjumlah RM132,900 oleh Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan, Abdul Shukor Idrus menerusi peruntukan yang diperoleh daripada kerajaan pusat.

Pemberian bantuan sebanyak RM300 kepada setiap keluarga disampaikan pada majlis di pejabatnya di sini, yang turut dihadiri oleh pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional di Kuang.

Pada Rabu lalu, kampung-kampung di sekitar Kuang iaitu Kampung Damai, Kampung Gombak, Batu 20, Kampung Baru Stesyen (perkampungan Cina), Kampung Bunga Raya (perkampungan India),

Kampung Melayu Seri Kundang, Bandar Baru Kundang dan Kampung Muhibbah dilanda banjir teruk.

Abdul Shukor menjelaskan, kejadian banjir itu adalah yang pertama berlaku di kawasan itu dalam tempoh 10 tahun, menyaksikan ada rumah yang dinaiki air sehingga siling sehingga menyebabkan 433 keluarga mengalami kerugian akibat kerosakan kenderaan, peralatan elektrik, ternakan, tanam-tanaman dan lain-lain.

Banjir berlaku selepas hujan kira-kira pukul 3.30 petang sehingga malam.

"Kawasan paling teruk ialah di Kampung Melayu Seri Kundang, Bandar Baru Kundang, Kampung Bunga Raya dan Kampung Gombak.

"Sebahagian penduduk terpaksa dipindahkan ke dewan atau kuil

(penduduk India) manakala sebahagian yang takut meninggalkan rumah kerana bimbang barangan mereka dicuri, telah menunggu di rumah sehingga air surut keesokannya," ujar Abdul Shukor.

Beliau kini sedang menunggu laporan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Majlis Perbandaran Selayang mengenai kejadian itu.

Bagaimanapun, daripada pemerhatian pihaknya serta pandangan penduduk, punca banjir itu berlaku akibat sistem saliran, terutama Sungai Kuang dan Sungai Kundang yang tidak disenggara dengan baik.

"Saya berharap agensi berkenaan mengambil tanggungjawab dengan membersihkan sungai yang sudah cetek dan sempit.

"Kerja mengorek dan melurus-

kan sungai perlu dilakukan. Sungai-sungai ini menjadi cetek dan sempit selain dipenuhi semak-samun akibat perbuatan mencuri pasir yang berleluasa di kawasan ini sebelum ini," ujarinya.

"Jumlah banruan RM300 kepada setiap keluarga memang tidak memadai dengan kerugian yang mereka tanggung tetapi saya berharap ia dapat meringankan sedikit beban dan tekanan perasaan yang dialami penduduk.

"Lebih baik beri sedikit bantuan ehsan daripada tiada bantuan langsung daripada kerajaan negeri di mana wakil mereka hanya datang menonton," ujarinya mengenai bantuan yang disampaikan beliau.

Beliau juga berharap kerajaan negeri mengambil tindakan segera untuk memastikan kejadian ini tidak berlaku lagi.

Sementara itu bekas imam di Kampung Gombak, Omar Osman, 73, berkata, pihak berkenaan perlu memberi perhatian terhadap keadaan sungai yang cetek dan sempit "Kalau sungai disenggara, maka tidak berlaku banjir dan tidak perlulah bantuan seperti ini diberikan," katanya, yang turut kesal kerana tiada tindakan daripada kerajaan negeri untuk membantu penduduk.

Penduduk Kampung Bunga Raya, Veeramalai V. Shumugam, 65, pula berkata, dia sangat gembira dengan bantuan yang diberikan.

"Penduduk India sangat suka dengan Yang Berhormat Abdul Shukor. Dia sentiasa membantu. Walaupun bantuan sebanyak RM300 tapi ia memadai untuk menunjukkan dia mengambil berat kepada rakyat," katanya.